

21 JUN 2002

UMNO SAMBUNG PERBAHASAN UCAPAN DASAR PRESIDEN PADA HARI KEDUA

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Perhimpunan Agung Umno memulakan persidangan hari kedua dengan menyambung perbahasan ucapan presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini pagi ini.

Dalam ucapan bertemakan "Mendedah Yang Terbuka" semalam, Dr Mahathir antara lain menyentuh mengenai masa depan bangsa Melayu yang belum selamat, perpecahan di kalangan mereka, hukum Hudud ala PAS dan isu keganasan yang dihadapi dunia.

Beliau turut menjelaskan mengenai kedudukan Malaysia sebagai negara Islam serta menyuarakan kebimbangannya mengenai kesan buruk perceraian keluarga yang banyak berlaku di kalangan orang Melayu.

Selepas membahaskan usul berkenaan, para perwakilan akan menumpukan perhatian kepada usul pendidikan.

Usul agama dijangka dibentang esok untuk dibahaskan sebelum penggulungan dibuat oleh presiden, timbalan presiden dan anggota-anggota Majlis Tertinggi.

Seramai 2,033 anggota perwakilan menghadiri perhimpunan itu yang berakhir esok.

-- BERNAMA  
AZZ AZZ RHM